



Isteri, kekasih hamil serentak

Buat keputusan yang dapat memberi keadilan kepada semua dan membebaskan diri daripada perasaan terpenjara, sesalan dan dosa

SOALAN

SAYA sudah berkahwin dan bakal mempunyai anak kedua akhir tahun ini. Masalahnya, baru-baru ini saya terlanjur dengan kekasih dan dia hamil. Usia kandungannya sudah seminggu. Saya tidak sanggup memberitahu kekasih saya dalam keadaan dia mengandung sekarang ini. Apakah yang harus saya lakukan?

Othman Terengganu

JAWAPAN

SAYA memahaminya masalah dan konflik saudara. Tentunya sukar berada dalam keadaan di antara tuntutan bersalah untuk memberitahu isteri dengan menjadi seorang yang bertanggungjawab atas keterlanjutan hingga menyebabkan kekasih mengandung.

Diharapkan saudara membuat keputusan betul supaya tidak akan menganiaya mana-mana pihak.

Seperti pepatah 'ikutkan rasa binasa, ikut hati mati'. Dr yakin saudara sedar perbuatan mengkhianati kepercayaan isteri dan berzina (dengan kekasih) hingga mengandung adalah salah.

Namun, Dr percaya saudara

menghantar e-mel ini bukan minta dihukum dan menambahkan bebanan emosi. Tentunya saudara ingin meleraikan kekusutan yang dihadapi. Dr tidak mempunyai jawapannya kerana saudara berhak membuat keputusan.

Perbuatan berzina adalah berdosa. Bagaimanapun, ruang untuk bertaubat dan memperbaiki keadaan masih terbuka. Firman Allah SWT yang maksudnya: "Katakanlah: Hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Az-Zumar: 53)

Oleh itu, saudara perlu berfikir dengan tenang dan sewajarnya apa yang sepatutnya dilakukan supaya tidak membawa sebarang sesalan.

Pujangga Hamka mengatakan "hawa nafsu membawa kesesatan dan tidak berpedoman dan akal menjadi pedoman menuju keutamaan. Hawa nafsu menyuruh mengelamun, berangan-angan, tetapi akal menyuruh menimbang.

Lari dari tanggungjawab sama ada daripada isteri atau kekasih saudara akan memburukkan keadaan. Jika saudara tidak mahu bertan-

gungjawab terhadap kekasih saudara dan anak dalam kandungan adalah satu perbuatan tidak adil serta menganiaya kedua-duanya.

Bimbinglah kekasih saudara untuk menjadi insan lebih baik dan tidak meninggalkan dirinya dalam noda dan dosa.

Wanita perlukan bimbingan dan pimpinan yang baik untuk membangunkan potensi diri mereka.

Perbuatan menggugurkan kandungan adalah salah dan berdosa daripada sudut agama. Anak adalah anugerah dan amanah Allah swt ibu bapa dipertanggungjawabkan untuk menjaga, mendidik dan menyayangi, bukan mengabaikan atau memperlakukan sesuka hati.

Dilema saudara juga disebabkan tidak berani untuk memberitahu isteri kerana takutkan kesannya kepada isteri dan saudara. Tentu sekali, saudara boleh menjangkakan apa yang akan berlaku jika memberitahu isteri perkara sebenar.

Bukannya mudah bagi seorang isteri, terutama sekali dalam keadaan dirinya mengandung apabila diberitahu oleh suami bahawa dirinya dikhianati cinta dan kepercayaannya. Hancur luluh jiwa dan raga.

Dr dapat memahami perasaan kecewa isteri saudara namun, apa yang terjadi perlu dihadapi dengan penuh keberanian dan tanggungjawab

bagi meleraikan masalah.

Semoga apa yang berlaku dapat memberi peringatan dan menginsafkan saudara bahawa tanggungjawab seorang suami bukanlah boleh diambil ringan.

Tugas suami ialah menjaga dan membimbing isteri, Abu Hurairah ra berkata bahawa Rasulullah saw bersabda: "Sesempurna iman seseorang ialah yang paling baik budi pekertinya, dan sebaik-baik kamu ialah yang terbaik pergaulannya terhadap isterinya." (Riwayat Tirmizi)

Namun, merahsiakan perkara ini dan terus hidup dalam keresahan juga satu bebanan kepada saudara. Boiekhkah saudara menanggung bebanan itu? Jika tidak, berbincanglah secara baik dengan isteri. Mohon ke-maafan darinya dan hadapilah apa yang akan berlaku selepas itu dengan sabar dan tabah.

Dr doakan agar isteri saudara akan bersifat memaafkan dan sama-sama membantu mencari jalan penyelesaian. Masalah saudara kini sudah membatik peranan yang harus dimainkan oleh isteri saudara. Memang sukar, tetapi saudara perlu menghadapi kenyataan.

Buatlah keputusan yang dapat memberi keadilan kepada semua dan membebaskan saudara daripada perasaan terpenjara, sesalan dan dosa nanti.

Rakan sebilik tidak mengerti

SOALAN

SAYA mempunyai masalah dengan teman sebilik. Dulu, kami memang sangat rapat dan mesra. Teman sebilik saya seorang yang sangat manja dan suka dibelai seperti seorang kanak-kanak.

Pada awalnya, saya tidak kisah dengan situasi itu dan menganggapnya seperti memanjakan adik saya. Tetapi, lama kelamaan, saya rimas dengan keadaan itu. Justeru, saya lebih selesa dengan kawan-kawan lain. Tetapi, teman sebilik saya menyangka saya tidak sukakan dia dan sering marah apabila kawan saya datang ke rumah. Apa yang perlu saya lakukan Dr?

Zaini Perak

JAWAPAN

DYANG melihat beberapa persoalan yang membabitkan masalah perhubungan, komunikasi dan ruang diri wujud di sini. Pertama ialah masalah perhubungan adik dengan teman sebilik. Perhubungan yang baik dan selesa antara adik dengan teman sebilik akhirnya menjadi renggang akibat tingkah lakunya yang tidak disukai.

Apabila adik mula menjauhi dia (kerana sikap keanak-anakan itu), teman adik itu mula menganggap adik sudah tidak suka dan peduli dia.

Keduanya ialah masalah ruang diri yang mana adik inginkan hasil dari rasa tidak selesa adik terhadap tingkah laku teman itu. Bagaimanapun, tindakan adik untuk mencari ruang untuk bersama rakan-rakan

Perkara ini amat penting dibincangkan bersama. Ada kalanya memang sukar dilakukan atas sebab-sebab tertentu. Masalah komunikasi yang tidak jelas selalu menjarakkan hubungan antara insan-insan disayangi.

adik lain menimbulkan prasangka kepada diri teman adik.

Teman sebilik menganggap adik sudah tidak sayangkan dirinya sedangkan dia inginkan perhubungan

berjalan seperti dulu.

Perkara ini amat penting dibincangkan bersama. Ada kalanya memang sukar dilakukan atas sebab-sebab tertentu. Masalah komunikasi yang tidak jelas selalu menjarakkan hubungan antara insan-insan disayangi.

Apabila adik tidak berterus terang mengenai sikap dirinya yang adik tidak sukai, maka wujudlah pelbagai persepsi negatif. Teman adik itu tidak mengetahui bahawa ada sifat dirinya yang adik tidak suka. Dia juga mula memikirkan bahawa dirinya sudah tidak disukai dan berguna lagi. Akibatnya, wujudlah perasaan seperti marahkan rakan-rakan adik.

Bersifat terbuka dan jujur dalam perhubungan boleh membantu dalam mewujudkan perhubungan harmonis antara adik dengan teman sebilik adik itu.